



19 Januari 2021 - Salt Lake City
Siaran Berita

Presidensi Utama dan Para Rasul yang Berusia 70 Tahun Ke Atas Menerima Vaksin COVID-19

Gereja telah membantu memberi imunisasi kepada hampir 117 juta orang sejak 2002

(Hanya untuk orang bukan Islam)

Lapan pemimpin senior Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah menerima dos pertama vaksin COVID-19 pada pagi Selesa di Salt Lake City. Para pemimpin ini layak untuk vaksin di Utah kerana usia mereka 70 tahun ke atas. Kakitangan perubatan, barisan hadapan, dan penerima keutamaan tinggi lain di negeri ini berkesempatan menerima vaksin pada minggu baru-baru ni.

Antara penerima vaksin adalah tiga ahli dari Presidensi Utama dan lima ahli dari Kuorum Dua Belas Rasul dan isteri mereka: Presiden Russell M. Nelson dan isterinya, Wendy; [Presiden Dallin H. Oaks](#) dan isterinya, Kristen; [Presiden Henry B. Eyring](#); [Presiden M. Russell Ballard](#); [Elder Jeffrey R. Holland](#) dan isterinya, Patricia; [Elder Dieter F. Uchtdorf](#) dan isterinya, Harriet; [Elder Quentin L. Cook](#) dan isterinya, Mary; serta [Elder D. Todd Christofferson](#) dan isterinya, Kathy.



Lapan pemimpin senior Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah menerima dos pertama vaksin COVID-19 pada pagi Selasa di Salt Lake City. Para pemimpin ini layak untuk vaksin di Utah kerana usia mereka 70 tahun ke atas. Kakitangan perubatan, barisan hadapan, dan penerima keutamaan tinggi lain di negeri ini berkesempatan untuk menerima vaksin pada minggu baru-baru ni. Dalam gambar adalah Presiden Russell M. Nelson dan isterinya, Wendy, dan Presiden Dallin H. Oaks dan isterinya, Kristen. 2021 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara.

Kenyataan Presidensi Utama tentang Penvaksinan

Presidensi Utama mengeluarkan kenyataan berikut pada Selasa tentang kepentingan pemberian vaksin dan imunisasi bagi melawan penyakit yang boleh dicegah:

Dalam perkataan dan tindakan, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah menyokong pemberian vaksin selama generasi. Sebagai komponen penting dalam usaha kemanusiaan kita, Gereja telah membiayai, mengedarkan dan melaksanakan pemberian vaksin bagi menyelamatkan nyawa di seluruh dunia. Pemberian vaksin telah membantu mencegah atau membasmi penyakit berjangkit yang dahsyat, seperti polio, difteria, tetanus, cacar dan campak. Pemberian vaksin yang dilakukan oleh ahli pakar perubatan yang cekap melindungi kesihatan dan memelihara nyawa.

Semasa pandemik ini tersebar di seluruh dunia, Gereja serta merta membatalkan pertemuan, menutup bait suci, dan mengehadkan aktiviti-aktiviti lain kerana hasrat kita untuk menjadi warganegara dunia yang baik dan melakukan bahagian kita untuk memerangi pandemik ini.

Kini, atas usaha, doa, dan puasa banyak pihak, vaksin COVID-19 sedang dihasilkan, dan ada yang telah disediakan. Di bawah panduan yang dikeluarkan oleh jabatan kesihatan, pemberian vaksin terdahulu ditawarkan kepada kakitangan kesihatan, barisan hadapan, dan penerima keutamaan tinggi yang lain. Atas faktor usia, para pemimpin senior Gereja yang berusia 70 tahun ke atas berkesempatan untuk menerima vaksin.

Apabila peluang ini menjadi tersedia kepada umum, Gereja menyeru para ahli, pekerja dan para penganjur untuk menjadi warganegara yang baik dan membantu membanterasi pandemik dengan melindungi diri mereka dan orang lain melalui suntikan vaksin. Individu bertanggungjawab untuk membuat keputusan sendiri tentang penerimaan vaksin. Dalam membuat keputusan itu, kami menyarankan agar, jika boleh, mereka berunding dengan ahli pakar perubatan yang cekap mengenai keadaan dan keperluan peribadi mereka.

Sokongan Gereja yang telah lama wujud tentang Imunisasi

Gereja Yesus Kristus telah mengakui kepentingan pemberian vaksin dan imunisasi selama berabad. “Kami menyeru para ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir untuk melindungi anak-anak mereka melalui imunisasi,” kata [Presidensi Utama pada 1978](#).

Sejak 2002, melalui organisasi kemanusiaan Latter-day Saint Charities, Gereja telah membantu membiayai 168 projek dalam 46 negara untuk memberkati hampir 116,819,870 orang. Latter-day Saint Charities memberi sokongan kewangan kepada rakan imunisasi global terkemuka untuk mendapatkan dan memberikan vaksin, memantau penyakit, bertindak balas terhadap wabak, melatih kakitangan kesihatan, dan mengembangkan program penghapusan dan pembasmian. Hasilnya merangkumi lebih ramai kanak-kanak yang menerima vaksin dan lebih sedikit nyawa yang hilang akibat campak, rubela, tetanus ibu mengandung dan neonatal, polio, cirit-birit, radang paru-paru, dan demam kuning.

Kisah kejayaan terkenal akhir-akhir ini termasuklah penghapusan penyakit di seluruh Afrika. Pada tahun 2019, Latter-day Saint Charities dan rakan kongsi seperti UNICEF USA dan Kiwanis International telah membantu membasmi tetanus ibu dan bayi di [Chad](#) dan [Republik Demokratik Kongo](#). Akhir tahun lalu, berterima kasih kepada UNICEF dan rakan kongsi seperti Latter-day Saint Charities, [Afrika berjaya membasmi virus polio liar](#). Dan sebagai tindak balas terhadap wabak campak di Chad pada tahun 2019, UNICEF dan rakan kongsinya telah [membantu memberi vaksin kepada 653,535 children](#) antara usia enam bulan dan sembilan tahun dalam jangka masa satu minggu.

“Saya gembira kini giliran kita untuk menerima vaksin ini,” kata Presiden Oaks pada pagi Selasa. “Kami sangat berharap pemberian vaksin kepada penduduk umum dapat membantu kita mengatasi pandemik dahsyat ini. Ini penuh harapan, seperti cahaya di hujung terowong. Kelegaan dan penghargaan ditujukan kepada mereka yang telah mencipta vaksin dan kepada mereka yang membolehkan vaksin ini tersedia secara umum dalam sistem keutamaan yang bersesuaian.”